

KHUTBAH JUMAAT

“PAHLAWAN: PENGORBANAN YANG TIADA GALANG GANTI”
(20 September 2019M/ 20 Muharam 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ
تَبَيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا
الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ
لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

“**Pahlawan : Pengorbanan Yang Tiada Galang Ganti**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dengan kemajuan dan kemakmuran negara yang dikecapi hari ini, ramai yang tidak sedar akan pengorbanan dan perjuangan golongan perajurit yang tiada galang gantinya demi memastikan negara bebas daripada penjajah dan ancaman musuh. Meskipun sebahagian besar daripada kita tidak merasakan zaman penjajahan dan darurat sebelum ini, kesiagaan anggota keselamatan yang sedia berkhidmat menjaga keamanan di darat, udara dan perairan negara, harus terus dikenang dan disanjung sampai bila-bila.

Masyarakat khususnya generasi muda perlu menyelami dan mengambil iktibar keberanian dan semangat keperwiraan yang ditunjukkan golongan perajurit yang sentiasa di barisan hadapan mempertahankan negara pada satu masa dahulu. Sama ada mereka ini masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia, sekaligus meninggalkan nama, jasa dan pengorbanan mereka untuk dikenang dalam lipatan sejarah Negara. Pemergian mereka merupakan kehilangan yang cukup dirasai serta tiada galang gantinya. Jasa mereka tidak sewajarnya kita lupakan, kerana kita tidak akan kecapi apa yang ada kini sekiranya bukan kerana pengorbanan mereka.

Justeru, setiap kali tanggal 31 Julai, kita akan menyambut Hari Pahlawan bagi memperingati jasa dan pengorbanan pahlawan negara yang terdiri daripada warga Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan serta individu yang secara bersama mempertahankan keselamatan dan

kedaulatan negara dari ancaman musuh. Ia adalah suatu tugas yang sungguh mulia dan merupakan tuntutan syariah dalam menegakkan agama Allah di muka bumi ini. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Ali-Imran ayat 146 :

وَكَايِن مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِيسُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا
ضَعُفُوا وَمَا اسْتَكَانُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

Maksudnya : *Dan berapa banyak dari nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar.*

Sesungguhnya, para pahlawan negara ini telah menunjukkan kehebatan mereka sejak dahulu lagi. Mereka telah menunjukkan kehebatan mereka dalam mempertahankan negara sewaktu menentang pencerobohan tentera Jepun sewaktu perang dunia ke-2 dan sewaktu zaman darurat antara tahun 1948 sehingga 1960. Bukan itu sahaja, para pahlawan kita telah diminta untuk menjadi tentera pengaman di pelbagai negara seperti Bosnia, Somalia, Iraq dan lain-lain.

Dalam sejarah Islam, terdapat ramai pahlawan Islam yang bersemangat waja, kuat dan terbilang. Antaranya Saidina Hamzah,

Khalid bin al-Walid, Thariq bin Ziyad, Salahuddin al-Ayubi dan lain-lain lagi. Manakala dalam sejarah tanah air kita pula tokoh-tokoh seperti Datu Patinggi Abang Abdul Ghafur dan Sharif Masahor di Sarawak, Mat Kilau, Datuk Bahaman, Mat Salleh, Datuk Onn Jaafar dan sebagainya yang diangkat sebagai pahlawan kerana menentang penjajahan barat ke atas ibu pertiwi tercinta.

Berjihad dan berkorban jiwa untuk mempertahankan negara adalah sifat mulia yang disanjung tinggi dalam Islam. Kerana itulah, Islam telah meletakkan kedudukan pejuang-pejuang yang berjuang semata-mata kerana Allah serta tidak didasari sifat kebendaan dan keuntungan dunia tetapi berjuang hanya untuk mendapatkan ganjaran dan keredhaan Allah *subhanahu wata'ala*, mereka akan diberi ganjaran dan kedudukan yang tinggi di sisi Allah *subhanahu wata'ala* sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-Baqarah, ayat 193:

وَقَتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى
الظَّالِمِينَ ﴿١٩٣﴾

Maksudnya : *Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam mengiktiraf para pahlawan tanah air ini sebagai pejuang

agama, bangsa dan negara. Oleh itu para pahlawan hendaklah meletakkan setiap langkah dan geraklaku dalam perjuangan mereka sebagai amalan yang ikhlas dan penuh tanggungjawab agar mereka mendapat penghormatan semasa hidup di dunia dan anugerah yang besar dari Allah *subhanahu wata'ala* pada hari akhirat kelak.

Segala perjuangan para pahlawan yang terdiri dari pasukan keselamatan iaitu tentera dan polis yang mempertahankan Negara adalah satu tugas yang sangat mulia, kerana perjuangan mereka dipenuhi pelbagai dugaan.

Kalau kita lihat perjuangan yang ditunjukkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radhiallahu anhum* dengan penuh semangat dan kesungguhan. Mereka telah menempuh segala cabaran dan rintangan sehingga kuasa-kuasa besar pada masa itu pun tunduk di bawah kekuasaan Islam.

Kejayaan mereka ini adalah berdasarkan tiga faktor utama, iaitu :

Pertama : Segala kejayaan dan kecemerlangan mereka adalah hasil daripada pertolongan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Sifat berdisiplin, amanah, jujur dan ikhlas adalah di antara sifat utama yang mendasari kejayaan mereka di dalam setiap perjuangan.

Ketiga : Sikap sentiasa mematuhi perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam setiap keadaan sama ada ketika senang atau susah.

Di samping menyediakan kekuatan dalaman atau kerohanian, kita juga diperintahkan mempersiapkan kekuatan dari sudut luaran atau fizikal bagi menghadapi sebarang ancaman musuh sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Anfal, ayat 60 yang bermaksud :

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.”

Ayat al-Quran tersebut memberikan pengajaran dan panduan agar umat Islam sentiasa bersiap sedia dalam apa jua keadaan bagi menghadapi pelbagai bentuk ancaman dari pihak musuh, dengan mempersiapkan segala bentuk kekuatan, baik di bidang keselamatan, perekonomian, pendidikan, keagamaan sehinggalah kekuatan perpaduan. Bahkan tanpa perpaduan takkan lahirnya kekuatan. Tanpa kekuatan masakan pejuang dan pahlawan silam mampu meraih kejayaan dan kemenangan. Sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah Hadis Qudsi yang bermaksud :

((Mana-mana hamba-Ku yang menunaikan jihad pada jalan-Ku kerana mengharap dan mencari keredhaan-Ku, Aku jamin untuk mengembalikannya (jika ia Aku kembalikan) dengan segala apa

yang didapatinya berupa pahala atau harta rampasan. Dan jika ia Aku matikan, ia akan Aku ampuni, Aku beri rahmah dan akan Aku masukkan ke dalam Syurga.))

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam menyambut hari pahlawan agar sambutannya menjadi lebih bermakna, sewajarnya masyarakat umum memberi pengiktirafan selayaknya kepada barisan pahlawan negara yang memikul tuntutan fardhu kifayah dalam aspek pertahanan dan keselamatan negara secara khusus. Oleh itu, erti perjuangan sebenarnya menyedarkan kita betapa kemerdekaan yang dilaung, agama yang didukung, negara yang disanjung perlu dipertahankan biar ke titisan darah yang terakhir.

Buat para pahlawan negara, baik yang telah syahid atau kembali menghadap Illahi, kita berdoa agar roh mereka sentiasa dirahmati dan dikasihi. Bagi para pahlawan yang masih gagah berdiri mengibarkan panji perjuangan ini, demi negara yang dicintai, akan sentiasa mempertahankan setiap inci bumi pertiwi ini walaupun darah dan nyawa sebagai ganti.

Mimbar menyeru, marilah kita semarakkan kembali janji untuk beriltizam di atas prinsip-prinsip kebenaran yang didokongi oleh Islam sebagai wadah, bagi memastikan keberadaan kita di dunia yang fana ini tidak tergelincir dari garisan ibadah. Marilah kita sama jalinkan kekuatan, bina kombinasi mapan, sempurnakan amanah dan peranan, persiapkan jiwa dengan keimanan, hiaskan diri

dengan kesopanan, tingkatkan pengorbanan dan kesiapsiagaan demi agama dan tanah air yang didaulatkan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah at-Taubah, ayat 41 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : *Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*. Ya Allah, kami bersyukur ke hadrat-Mu yang telah

mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadrat-Mu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat, negara dan ummah.

اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيثًا مَرِيئًا هَنِيئًا مَرِيئًا غَدَقًا مُجَلَّلًا عَامًّا طَبَقًا سَحًّا
دَائِمًا. اللَّهُمَّ ارْفَعْ عَنَّا الْجَهْدَ وَالْجُوعَ وَالْعُرْيَ، وَاكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ مَا
لَا يَكْشِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ إِنَّكَ كُنْتَ غَفَّارًا، فَأَرْسِلِ
السَّمَاءَ عَلَيْنَا مِدْرَارًا. اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Ya Allah, angkatlah daripada kami segala kesulitan, keadaan berjerebu, cuaca yang amat panas dan ketandusan air. Turunkanlah kepada kami air hujan yang memudahkan, menyuburkan, menyeluruh, dan berterusan manfaatnya. Kami berlindung dengan-Mu daripada diuji dengan banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
العَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.